
Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
Bil 42: 19 Oktober 2026

# KARISMA 2026 Himpun 1,000 Pensyarah dan Pentadbir Muda IPT, Lima Resolusi Dikemukakan



**Tanjong Malim, 14 Oktober** - Usaha melahirkan barisan pemimpin pelapis dalam institusi pendidikan tinggi terus diperkasa menerusi program KARISMA yang menghimpunkan pensyarah dan pentadbir muda bagi membentuk kepimpinan berilmu, berintegriti serta bersedia menggalas amanah. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, berkata program berkenaan diwujudkan sejak beliau menerajui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi membangunkan bakat kepimpinan dalam kalangan pensyarah dan pentadbir muda institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, beliau menghadiri Konvensyen KARISMA Pemimpin Muda IPT 2026 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, bersama-sama 1,000 pensyarah dan pentadbir muda bagi mendengar pandangan serta aspirasi mereka mengenai masa depan pendidikan tinggi negara. Beliau berkata demikian menerusi hantaran di Facebook malam ini.

Menurut Zambry, lima resolusi yang diserahkan kepadanya memberikan tumpuan kepada latihan kepimpinan secara menyeluruh, program sangkutan di industri dan agensi berkaitan KPT, penglibatan dalam komuniti, pembinaan jaringan industri serta pelan penggantian kepimpinan yang tersusun.

Dalam amanatnya, beliau menegaskan bahawa kepimpinan memerlukan matlamat yang jelas, kekuatan nilai dan rasa tanggungjawab bersama.

Katanya, jawatan merupakan suatu amanah, manakala kejayaan sesebuah institusi bergantung pada kerjasama seluruh warganya. Beliau turut menekankan kepentingan pemikiran kritis, nilai kemanusiaan dan pertimbangan etika ketika kecerdasan buatan (AI) serta teknologi semakin mempengaruhi kehidupan. “Kita mahu melahirkan pemimpin yang kuat ilmu dan keperibadiannya, iaitu melalui pembentukan ‘otak dan watak’,” katanya.

Selain itu, Zambry menggalakkan peluasan program mobiliti antarabangsa bagi pensyarah muda untuk membolehkan mereka membina jaringan, memperkaya pengalaman serta membawa pulang idea yang memberikan manfaat kepada institusi dan negara.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan UPSI atas penganjuran konvensyen berkenaan. Pada majlis yang sama, beliau berkesempatan melancarkan buku Kepimpinan Hadhari yang mengetengahkan gagasan kepimpinan berteraskan nilai dalam pendidikan tinggi.

Zambry berharap agar program KARISMA dapat diteruskan bagi melahirkan lebih ramai pensyarah dan pentadbir muda berkaliber di setiap IPT.



Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University
Bil 42: 19 Oktober 2026




## UPSI, HONOR Malaysia meterai MoA wujudkan HONOR AI Lab

**Tg Malim, 14 Oktober** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan HONOR Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bagi mewujudkan HONOR AI Lab @ UPSI sebagai usaha memperkukuh pendidikan, penyelidikan dan inovasi dalam bidang kecerdasan buatan (AI). Majlis menandatangani MoA itu disempurnakan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, dan Pengurus Besar HONOR, Chen Long, serta disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir. Majlis itu berlangsung di Bilik Tetamu Utama, Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI.

Menurut Md. Amin, penubuhan makmal itu merupakan langkah strategik untuk memperluas akses kepada teknologi AI serta menyediakan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman industri kepada warga universiti. Beliau berkata HONOR AI Lab @ UPSI bukan sahaja menjadi platform untuk pelajar meneroka teknologi AI, malah membuka ruang kepada pensyarah dan penyelidik untuk mengembangkan penyelidikan serta menghasilkan inovasi yang relevan dengan keperluan ekonomi digital negara. “Kerjasama ini memberikan peluang kepada warga UPSI untuk memperoleh pendedahan praktikal terhadap perkembangan teknologi AI, sekali gus merapatkan jurang antara pembelajaran teori di bilik kuliah dengan aplikasi sebenar dalam industri.

“Melalui kemudahan dan program yang disediakan, pelajar dapat meningkatkan kompetensi teknikal serta kemahiran insaniah, manakala pensyarah berpeluang memperkukuh pengajaran dan penyelidikan melalui penggunaan teknologi AI,” katanya. Md. Amin berkata makmal berkenaan akan berfungsi sebagai hab pelaksanaan pelbagai aktiviti berkaitan AI, termasuk bengkel, program pensijilan profesional, peluang mobiliti pelajar, latihan industri, pertandingan inovasi serta sesi perkongsian bersama-sama pihak industri.

## Kembara santuni Alumni perkukuh jalinan silaturahim di Melaka

**Melaka, 15 Oktober** - Seramai 21 orang alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyertai program Kembara Santuni Alumni yang berlangsung di Bilik Kesidang, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Bukit Beruang, Melaka. Program anjuran Pusat Alumni UPSI itu bertujuan mengeratkan silaturahim, memperkukuh hubungan antara alumni dengan universiti serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan Anak Kandung Suluh Budiman.

Program ini turut menjadi platform pertemuan alumni untuk bertukar-tukar pengalaman, berkongsi pandangan dan mendapatkan maklumat terkini tentang perkembangan universiti. Suasana mesra sepanjang program berlangsung turut mencerminkan hubungan erat yang terus terpelihara antara alumni dengan alma mater mereka.

Dalam sesi perkongsian, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin, menyampaikan aspirasi universiti untuk memperkukuh jaringan alumni sebagai sebahagian daripada keluarga besar UPSI. Beliau turut menekankan kepentingan peranan dan penglibatan alumni dalam menyokong pembangunan universiti serta menyumbang kepada komuniti melalui pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan.







## Kesihatan mental bukan ukuran kelemahan iman

**Tg Malim, 14 Oktober** - Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menegaskan bahawa masalah kesihatan mental tidak seharusnya dianggap sebagai ukuran kelemahan iman seseorang. Sebaliknya, individu yang mengalaminya perlu diberikan ruang yang selamat untuk mendapatkan bantuan tanpa penghakiman.

Pengerusi IKIM, Profesor Emeritus Mohd. Yusof Othman, berkata sokongan agama, doa dan amalan kerohanian bagi individu yang memilihnya perlu melengkapi, bukannya menggantikan, khidmat kaunseling profesional serta rawatan klinikal yang diperlukan.

“Janganlah kita menjadikan masalah kesihatan mental sebagai ukuran kelemahan iman seseorang. Jangan pula kesedihan dibalas dengan celaan atau permintaan bantuan dipandang sebagai kegagalan diri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Persidangan Antarabangsa Kaunseling Kesihatan Mental Bencana (ICDMHC) 2026 di Bangunan E-Learning, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), hari ini. Pada majlis yang sama, seramai 200 pelajar asnaf UPSI menerima manfaat Bantuan Asnaf Kasih MADANI 2026 berjumlah RM20,000 bagi membantu meringankan beban kewangan mereka. Mohd. Yusof turut menegaskan bahawa usaha pemulihan mangsa bencana tidak seharusnya terhad kepada bantuan kecemasan seperti pengagihan makanan dan penyediaan tempat perlindungan. Sebaliknya, usaha itu perlu merangkumi sokongan psikologi, sosial, emosi dan kerohanian mengikut keperluan individu.

“Kehilangan rasa selamat, kesedihan dan ketakutan selepas bencana boleh menjejaskan kesejahteraan mangsa. Oleh itu, sokongan psikososial perlu diteruskan walaupun operasi bantuan kecemasan telah berakhir.” Beliau mencadangkan agar UPSI memperkukuh kurikulum pengajian dalam bidang kaunseling, pendidikan dan pembangunan manusia dengan memasukkan elemen agama dan kerohanian sebagai sebahagian daripada pendekatan kesejahteraan mental yang turut mengambil kira faktor biologi, psikologi dan sosial.

“Pendekatan itu perlu dilaksanakan secara berhemah dengan menghormati kepercayaan individu, menjaga kerahsiaan serta mengambil kira keperluan dan persetujuan klien,” katanya. Beliau turut memperkenalkan buku Henti Buli: 5 Langkah Membina Jiwa Empati Anak di Rumah karya Ketua Jabatan Bimbingan dan Kaunseling UPSI, Dr. Mazita Ahmad.

Dalam pada itu, Pengarah Akademik dan Antarabangsa UPSI, Dr. Mohd. Asri Mohd. Noor, berkata UPSI komited untuk memperkukuh ilmu, kompetensi dan jaringan kerjasama dalam bidang kaunseling kesihatan mental bencana menerusi penyepaduan penyelidikan, amalan profesional, inovasi dan khidmat komuniti. Mohd. Asri berkata usaha itu turut disokong oleh Neuro-Immersive Wellness Centre di bawah Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia UPSI, yang berperanan sebagai ruang pendidikan, penyelidikan, latihan dan inovasi dalam bidang kesihatan mental serta kaunseling, termasuk penerokaan teknologi terapeutik bagi menyokong kesejahteraan psikologi.

“Pendekatan berkenaan dapat membuka ruang kepada pelajar, penyelidik dan pengamal untuk meneroka kaedah intervensi yang lebih integratif dan inovatif bagi memperkukuh kesiapsiagaan, intervensi serta pemulihan kesihatan mental sebelum, semasa dan selepas bencana,” katanya. Beliau menggesa agar usaha pemulihan diperkukuh melalui latihan petugas, penyediaan saluran rujukan dan kerjasama antara agensi dengan komuniti bagi memastikan bantuan kesihatan mental dapat diakses oleh golongan yang memerlukan.




**Daerah Muallim meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Golf Keputeraan DYMM Paduka Sultan Perak Tahun 2026**




**Majlis pengumuman penamaan calon pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPSI SIDANG 2026/2027**




**Simposium Strategik Pengurusan Krisis dan Media (SiSMED 2.0) Peringkat Kebangsaan 2026**




**Interntional Conference and Innovation in Early Childhood Care and Educaton (ICIECCE)**